



**SOARING  
UPWARDS**  
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

**UniMAP**

# **UCAPTAMA TAHUNAN NAIB CANSelor 2017**



**“TUNJANG MENGUKEH DI BUMI,  
PUCUK MENJULANG TINGGI”  
FIRMLY GROUNDED, SOARING HIGH**

**3 Februari 2017 | Dewan Ilmu, Kampus Pauh Putra**





**DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL**  
Naib Canselor UniMAP



Bismillahir rahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan**

Timbalan-Timbalan Naib Canselor,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Profesor-profesor,

Anggota Senat,

Dekan-dekan,

Ketua Jabatan,

Wakil media,

Para Pensyarah, staf pengurusan dan sokongan,

seterusnya Mahasiswa UniMAP yang dikasihi.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah Azza Wajalla kerana atas limpah dan rahmat-Nya, UniMAP telah mengharungi pelbagai cabaran tahun 2016 dengan jayanya. Kita telah bekerja keras untuk menyumbang kepada hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dalam memastikan aspirasi “**Soaring Upwards**” terus bergema. Terima kasih saya ucapan atas komitmen yang diberikan.

## **PENCAPAIAN**

1 Februari lalu, genaplah usia UniMAP 10 tahun selepas dijenamakan semula, selaras dengan Perintah Perbadanan enam Universiti Awam. Namun, jika dikira daripada tarikh lahir penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (atau KUKUM), usia kita sudahpun 15 tahun.

Menyelusuri tahun ke-15 perjalanan, UniMAP kini berada pada fasa remaja. Jika diterjemahkan dalam alam kehidupan sebagai manusia, fasa ini adalah fasa aktif bagi remaja normal dalam melalui faktor masa dan ruang. Jika diketemukan potensi dengan faktor masa dan ruang, tindak balas yang cepat akan berhasil. Sermasa fasa ini, remaja mula menjinakkan diri dengan pelbagai naluri – sama ada baik atau buruk. Demikianlah juga diibaratkan dengan UniMAP – selangkah kita melepassi tahun ke-15 ini, pelbagai peluang dan potensi boleh diterokai. Terpulang kepada kita sama ada untuk terus mencipta kejayaan, kekayaan, dan kemasyhuran, ataupun sebaliknya.

Atas dasar itu, saya memilih tema “**Tunjang Mengukuh Di Bumi, Pucuk Menjulang Tinggi**” sebagai intipati ucaprama tahun ini. Teguhnya sebatang pohon kerana kuatnya akar yang mencengkam, sebagaimana tegaknya sebuah binaan di atas tapak yang kukuh. Begitu jugalah perjalanan UniMAP, tegaknya di atas dasar yang benar dan prinsip keilmuan yang jelas. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk terus memastikan Universiti yang kita sayangi ini tetap subur dan melakar pelbagai kejayaan pada tahun-tahun mendatang.

Warga UniMAP yang dikasihi,

Pada April ini, genaplah dua tahun pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 - 2025 atau PPPM (PT). Pelan ini merupakan rujukan utama dalam mengurus universiti ini ke arah yang lebih cemerlang dan berdaya saing. PPPM (PT) menggariskan 10 Lonjakan, di mana empat darinya adalah tentang keberhasilan yang akan dicapai dalam tempoh sepuluh tahun, sementara yang enam lagi adalah pemboleh (atau *enablers*) yang menggerakkan strategi dan inisiatif ke arah keberhasilan yang saya nyatakan tadi. InsyaAllah, kita akan memastikan hala tuju kita seiring dengan 10 Lonjakan tersebut.

Di UniMAP, PPPM (PT) digarapkan dalam pelan strategik UniMAP 2016 - 2020, di mana terdapat enam teras strategik yang sama seperti dalam pelan strategik yang sebelum ini, iaitu *condusive ecosystem, high impact research, academic eminence, notable wealth creation, governance efficiency, and exceptionally talented graduates*. Saya yakin 6 teras strategik ini membolehkan kita bersaing dengan universiti lain pada peringkat nasional dan global. Sehingga kini, UniMAP telah melalui dua fasa pemajuan iaitu dalam kumpulan *University in the Satisfactory Universities Group* dan *The Best University in the Good Universities Group*. Insya Allah dengan usaha yang berlipat ganda, kita dapat mentransformasikan universiti ini kepada *excellent* universiti dan seterusnya menjadi antara 200 universiti terbaik Asia, dikurniakan rating 5 bintang, dan berada dalam himpunan 500 universiti terbaik dunia.

Untuk mengorak langkah yang lebih jauh, kita perlu tahu di mana kita sekarang. Marilah kita meninjau sedikit-sebanyak pencapaian kita sehingga tahun 2016.

Mahasiswa merupakan pelanggan utama UniMAP. Tanpa mereka tidak wujudlah Universiti ini. Graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang adalah kesinambungan daripada sistem pendidikan asas yang berhasrat melahirkan warga yang berjiwa mulia. Banyak inisiatif dan strategi telah dilaksanakan untuk memastikan hasrat ini tercapai, samada di peringkat pusat pengajian maupun di peringkat universiti. Selain pembelajaran formal, penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan yang berteraskan pembangunan masyarakat telah banyak mendidik pelajar menjadi insan seimbang yang diharapkan. Saya mengajak warga UniMAP untuk terus berusaha ke arah pembangunan intelek komuniti dan insan kamil, selari dengan misi dan visi universiti ini. Dari segi KPI, kita telah mencapai semua sasaran yang ditetapkan kecuali satu, iaitu "Peratus graduan yang berstatus bekerja semasa konvokesyen". Pencapaian kita hanya 75% berbanding sasaran 80%. Namun, saya yakin peratusan graduan yang telah mendapat pekerjaan kini sudah meningkat mele过asi sasaran, dan sekurang-kurangnya menyamai pencapaian tahun 2015, iaitu 89%. Peratusan tersebut telah menjadikan UniMAP universiti ketiga tertinggi dalam aspek graduan mendapat pekerjaan di negara ini, selepas UPNM dan UPSI.

Dalam Lonjakan ini juga, data menunjukkan bahawa 72% pelajar Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah UniMAP berjaya bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan. Ini menggambarkan kesungguhan staf dalam memastikan pelajar menjalani pengalaman pembelajaran yang terbaik. Marilah kita mencari jalan menarik lebih ramai pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah tinggi di sini. Kita mempunyai kekuatan tenaga pakar, kapasiti, dan kemudahan makmal-makmal penyelidikan. Tidak ada sebab yang menghalang Universiti menjadi institusi pilihan utama bagi pengajian lanjutan.

Dalam hal penerbitan dan rujukan kepakaran, kita telah berjaya mencapai nisbah penerbitan per staf akademik dalam jurnal dan prosiding sebanyak 2.75 berbanding sasaran 1.5 yang telah ditetapkan. Manakala nisbah kumulatif sitasi per staf akademik menunjukkan peningkatan melebihi 100% iaitu 31.67% berbanding 13 yang disasarkan. Ini bermakna kita telah jauh melebihi sasaran tersebut. Syabas kepada semua yang sentiasa bertungkus-lumus ke arah pencapaian yang amat membanggakan ini.

Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (atau singkatnya TVET) merupakan sebahagian usaha memenuhi keperluan industri yang memerlukan tenaga mahir. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan telah menggariskan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti penyampaian program TVET. UniMAP merupakan antara institusi yang dipertanggungjawabkan untuk menjayakan agenda ini, di mana sebanyak 48% pelajar kita disasarkan menjalani program TVET. Alhamdulillah, pencapaian kita untuk KPI ini adalah 49.52% berbanding 48% yang ditetapkan KPT. Saya harap aktiviti promosi yang lebih agresif akan dilaksanakan untuk menarik minat golongan sasaran meneruskan pengajian TVET di sini. Saya percaya dengan penggunaan teknologi media baharu, lebih ramai pelajar akan menjadikan UniMAP destinasi pengajian utama mereka.

Bagi aspek kemampuan kewangan, salah satu KPI utama atau headline KPI yang ditetapkan KPT ialah penjanaan sendiri sebanyak 17% kos operasi UniMAP bagi tahun 2016. Alhamdulillah, kita telah menjana pendapatan sebanyak RM47.6 juta, iaitu 17.9% kos operasi. Ini menunjukkan kita mampu melakukannya. Dengan pelbagai inisiatif yang terancang, saya percaya penjanaan kewangan yang lebih berkesan dapat dilaksanakan.

Dalam usaha menjadikan Malaysia hub pendidikan tinggi di rantau ini, kehadiran pelajar antarabangsa amat penting. Pada tahun 2016, Alhamdulillah, 387 pelajar antarabangsa pasca-siswazah berada dalam enrolmen UniMAP, berbanding sasaran seramai 365 orang. Bilangan keseluruhannya ialah 1116, berbanding sasaran 950 orang. Walau bagaimanapun, tahun 2017 adalah lebih mencabar, dengan senario ekonomi dunia yang tidak menentu. Namun, janganlah kita mengalah dengan keadaan, sebaliknya marilah fikirkan kaedah alternatif dan inovatif untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa. Masih ada banyak ruang dan peluang yang boleh diambil untuk meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa di UniMAP.

Salah satu pencapaian utama kita tahun lepas ialah pemberian status autonomi oleh KPT. Status ini bukan diberi sewenang-wenangnya. Masih ada universiti awam yang belum berjaya mendapat autonomi atas sebab-sebab tertentu. Pemerolehan status autonomi merupakan satu pencapaian yang besar. Walau bagaimanapun, ia datang seiring dengan akauntabiliti, yang bukan sahaja dituntut pada peringkat institusi tetapi juga pada setiap individu yang bergelar warga UniMAP. Pencapaian ini membawa bersamanya cabaran baru yang perlu ditangani. Alhamdulillah, semasa Bengkel Autonomi yang diadakan bulan lepas bersama ketua-ketua jabatan dan ahli Lembaga Pengarah Universiti, kita telah memikirkan strategi autonomi yang dapat melonjakkan prestasi universiti ini. Saya percaya strategi yang dipilih mampu menjayakan agenda autonomi UniMAP, dan seterusnya memanfaatkan sepenuhnya sumber manusia yang merupakan tonggak utama agenda ini.

Saudara-saudari sekalian,

UniMAP ialah sebuah keluarga yang amat besar. Sehingga Disember 2016, kita mempunyai 2169 orang staf, di mana 1,043 merupakan tenaga akademik. Mereka ini berpotensi besar untuk terlibat secara aktif dalam usaha penjanaan kewangan, serta peningkatan reputasi akademik universiti. 34% dari keseluruhan tenaga akademik memiliki PhD. Mereka ini berupaya membantu ke arah kecemerlangan UniMAP. Walaupun kita telah mencapai KPI penerbitan artikel jurnal, namun usaha pengupayaan tenaga akademik perlu dipertingkatkan agar lebih berdaya saing dan dapat menyumbang kepada reputasi akademik UniMAP dengan lebih berkesan lagi.

Sementara itu, kita tidak boleh menafikan peranan yang dimainkan staf bukan akademik dalam menyokong pencapaian KPI dan hasrat yang telah ditetapkan. Contohnya, soal pengurusan pusat pengajian, soal pengurusan pelajar, soal dokumentasi untuk permohonan status autonomi, semua itu terletak di bahu staf bukan akademik. Malah, ada dalam kalangan staf bukan akademik UniMAP yang menjadi rujukan kepada rakan-rakan universiti lain disebabkan kemahiran dan kepakaran dalam pengurusan bidang tertentu seperti pengurusan kualiti, pengurusan sukan, pengurusan makmal, pengurusan kebudayaan dan sebagainya. Tahniah dan terima kasih atas sumbangan saudara-saudari semua.

Tahun 2016 juga telah menyaksikan beberapa langkah *rightsizing* yang saya fikir "tidak popular" tetapi terpaksa juga diambil. Langkah tersebut penting bagi mematuhi prosedur pelantikan Jabatan Perkhidmatan Awam, serta memenuhi tuntutan kewangan Universiti yang kian meruncing. Kepada bekas warga UniMAP yang terpaksa dilepaskan, marilah kita mendoakan kesejahteraan mereka. Sumbangan mereka amat dihargai dan tidak mungkin dapat dilupakan. Semoga mereka sentiasa dirahmati Allah dan diberikan yang terbaik juar.

Sebagaimana saya katakan tadi, kita kini berada dalam fasa yang mencabar. Kita memerlukan sedikit masa untuk mengatur langkah mengoptimumkan sumber universiti. Saya percaya kita mempunyai kekuatan menghadapi masa mencabar ini, dan seterusnya memastikan UniMAP lebih maju di masa hadapan. Pokoknya, terdapat keperluan mendesak untuk keluar dari zon selesa kewangan dan berfikir secara kreatif dan inovatif. Saya mohon saudara-saudari memahami keadaan ini. Saya yakin asas yang telah dibina sejak tertubuhnya KUKUM dahulu menjadikan kita lebih berdaya tahan untuk mengharungi cabaran mendatang, InsyaAllah.

Amalan berkualiti memang telah lama menjadi asas kepada pengurusan dan penyampaian perkhidmatan di universiti yang kita sayangi ini. Versi terkini sistem kualiti berasaskan ISO 9001 telah dikeluarkan pada tahun 2015. Alhamdulillah! Berkat kerjasama semua pihak, UniMAP menempa sejarah sebagai Universiti Awam Pertama di Malaysia yang ditaliahkan Persijilan MS ISO 9001:2015. Dengan kejayaan ini, kita telah menerima kunjungan penandaarasan (benchmarking) dari beberapa buah Universiti Awam yang lebih senior, termasuk UPM, UiTM dan terkini UTeM. Dalam erti kata lain, UniMAP menjadi rujukan dalam hal ini. Berkaitan kualiti juga, pada Ogos tahun ini kita akan menjadi tuan rumah Konvensyen KIK UA Kali ke-13. Saya harap, selari dengan pentauliahan sijil ISO versi 2015, usaha kita lebih terserlah semasa konvensyen tersebut.

Kejayaan memperoleh ISO tidak bermakna kualiti perkhidmatan tidak perlu ditambahbaik lagi. Malahan ia menuntut lebih usaha untuk memastikan apa yang kita laung-laungkan benar-benar kita patuhi. Saya menyeru agar komitmen jitu dari semua pihak terus ditingkatkan. Budaya Fokus Pelanggan yang diamalkan harus diperkuatkan agar keyakinan terhadap kualiti perkhidmatan di UniMAP dipertingkatkan.

Sebagai pemegang taruh utama Universiti, seperti yang saya sebutkan sedikit pada awal ucapan saya, pembangunan pelajar amat mustahak. Kita mahu pelajar menjalani perkembangan yang seimbang dalam aspek rohani, jasmani, spiritual, dan mental. Mahasiswa yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan didapati menjalani perubahan yang ketara dalam aspek nilai sosial yang dimiliki. Terima kasih saya ucapan kepada Jabatan Hal Ehwal pelajar atas pelbagai aktiviti pembangunan pelajar yang dilaksanakan, juga kepada pusat-pusat pengajian atas penglibatan pelajar dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Banyak sungguh program yang telah diceburi, contohnya *Asian Young Inventors Exhibition* pada April tahun lepas, di mana pelajar UniMAP memperoleh 2 pingat emas dan 3 pingat perak. Di samping itu, juga kita telah menjadi hos dengan penglibatan yang menyeluruh pelajar kita dalam *World University Woodball Championship*, dan *Asian University Invitation Tennis Tournament*. Tahniah!

Di samping itu, program *mobility inbound* dan *outbound* perlu diteruskan. Pencapaian kita dalam program ini masih boleh dipertingkatkan. Tahun lepas, kita telah bekerjasama dengan beberapa buah universiti seperti Universitas Ubudiyah Indonesia, Aceh; Nahda University di Mesir; dan Josai University, Jepun. Kita juga terlibat aktif dalam program tahunan peringkat antarabangsa seperti *Asia Summer Program*, *International Soft Skills & Leadership Program UniMAP-RMUTSV*, dan *Global Entrepreneurship Summer Camp*. Semua usaha ini perlu diteruskan walaupun kita menghadapi kekangan kewangan. Kaedah-kaedah baharu perlu difikirkan untuk memastikan kelangsungan program-program *mobility* ini.

Warga UniMAP yang dikasihi,

Bersetujuan dengan teras strategik penyelidikan berimpak tinggi, pencapaian penyelidikan 2016 menunjukkan terdapat ruang untuk meningkatkan penyelidikan berimpak tinggi. Penyelidik kita diiktiraf pada peringkat kebangsaan dan juga dunia. Pencapaian cemerlang UniMAP termasuklah dalam *Malaysia Technology Expo Award* 2016 di mana kita memperolehi 7 emas, 7 perak dan 12 gangsa serta 7 emas, 6 perak dan 2 gangsa di *ITEX* 2016. Melalui penyelidikan juga, kita menghasilkan 724 artikel yang berindeks scopus, dan 281 artikel yang diindeks di dalam *Web of Science*. Ini menjadikan, secara keseluruhan, jumlah artikel yang terindeks sebanyak 5552 bagi scopus dan 3115 bagi WOS.

Berkaitan pengkomersialan produk dan inovasi, saya akui aktiviti ini bukan mudah direalisasikan dalam jangka masa pendek. Sehingga kini kita sudah mula mengkomersialkan tiga buah produk, iaitu *Artificial Marble*, *Dr. Soh's Repellent* dan *MeeGo*. Ada juga COE-COE yang telah menghasilkan produk-produk inovatif yang berjaya dijual seperti *GPS vehicle tracking system* oleh CESTech dan *Mask Aligner* oleh INEE. Perjalanan menuju pengkomersilan masih jauh lagi untuk produk-produk berkenaan benar-benar memberi impak yang tinggi, terutama dalam aspek penjanaan kewangan. Kita mempunyai 125 produk/teknologi penyelidikan yang sedang dalam proses paten. Saya harap banyak lagi produk dan teknologi berjaya dikomersialkan, selaras dengan hasrat keberhasilan penyelidikan.

Dalam menghasilkan produk penyelidikan yang berkualiti, sudah semestinya para penyelidik memerlukan dana yang mencukupi. Tahun lalu kita memperolehi RM4.9 juta dari pelbagai sumber terutamanya FRGS dan geran khas KPT. Namun, kita perlu secara beransur-ansur mengurangkan kebergantungan dana kerajaan bagi pembiayaan penyelidikan. Alhamdulillah usaha ini telah mula menampakkan hasilnya. Pada tahun 2016, kita telah mendapat Geran *European Commission Research Executive Agency* untuk mobiliti staf dan pelajar bagi penyelidikan *Geopolymer Concrete* dan teknologi bersama-sama dengan University of Plymouth UK, Liverpool John Moores University UK, National Technical University of Athens Greece, University of Phayao Thailand dan Tsinghua University China. Kita juga telah mendapat geran Ungku Omar -Newton untuk penyelidikan dalam bidang nanoteknologi bersama-sama dengan London Centre for Nanotechnology, University College London. Selain itu, kita juga mendapat pembiayaan daripada *Swiss Confederation's State Secretariat for Education, Research and Innovation*, dan *ETH Zurich/ITIS Foundation*, Zurich, Switzerland untuk penyelidikan dalam kejuruteraan komunikasi. Keseluruhan geran ini berjumlah hampir RM2 juta. Kita berbangga dengan jumlah yang diperolehi. Tetapi lebih dari itu, keyakinan yang ditunjukkan universiti bereputasi tinggi seperti University College London, Tsinghua University and ETH Zurich untuk menjadikan UniMAP rakan penyelidikan mereka amat memberangsangkan. Syabas diucapkan kepada penerima geran-geran tersebut.

Selain penyelidikan, perundingan memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada komuniti dan industri. Pencapaian kita dalam sektor perundingan pada tahun lepas berjumlah lebih RM414 ribu. Saya yakin masih terdapat banyak ruang yang boleh

diselami untuk meningkatkan bukan sahaja penjanaan kewangan untuk universiti, tetapi juga manfaat kewujudan UniMAP terhadap komuniti dan industri. Untuk tahun ini, marilah kita bergerak secara lebih kreatif dan inovatif dalam mempromosikan bakat dan kepakaran tenaga akademik kita kepada pihak luar.

Warga kampus yang dihormati sekalian,

Perjalanan kita sejak 2002, dan pencapaian sepanjang tempoh 15 tahun sehingga sekarang bukanlah tanpa onak dan duri. Benar, ranjau bukan sepanjang jalan, namun perjalanan yang ditempuhi tidak mudah. Yang jelas, hasil 15 tahun itu membolehkan asas yang amat kuat dibina. Kita tahu apa bidang tujuan kita. Kita juga tahu apa keperluan dan kekuatan kita, dan kita faham ruang-ruang yang perlu diperbaiki. Kita yakin dengan masa depan kita. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih tanda penghargaan saya, mewakili warga UniMAP, kepada Mantan Naib Canselor UniMAP, Prof. Emeritus Datuk Dr. Kamarudin Hussin atas kepimpinan beliau dari hari pertama penubuhan KUKUM dan kemudian UniMAP sehingga ialah Februari 2016. "Tunjang mengukuh di bumi UniMAP" adalah hasil kepimpinan YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Kamarudin Hussin. Terima kasih Datuk.

## HALATUJU UniMAP 2017

Persoalannya sekarang ialah – apakah halatuju kita sepanjang tahun 2017 dan seterusnya? Secara amnya, UniMAP perlu bergerak sealiran dalam konteks beberapa cabaran utama, baik pada peringkat tempatan maupun dalam perspektif global. Sebelum saya memperihalkan secara terperinci hasrat saya pada tahun ini, izinkan saya menyatakan secara ringkas asas kepada segala tindakan yang kita mulai hari ini.

Pertama sekali, kita perlu bergerak dengan bajet yang lebih rendah dari tahun-tahun sebelum ini. UniMAP tahun ini memperolehi peruntukan Kerajaan sebanyak RM190 juta sahaja. Bandingkan jumlah ini dengan perbelanjaan sebenar tahun 2016, iaitu RM266 juta, dan perbelanjaan sebenar pada tahun 2015 sebanyak RM284 juta. Perbezaan peruntukan 2017 dengan perbelanjaan sebenar tahun 2015 adalah sekitar RM94 juta, sedangkan bilangan pelajar, bilangan program pengajian, dan bilangan bangunan dalam kampus terus bertambah. Hal ini dilalui oleh semua UA, cuma yang berbeza adalah jumlah dan kadar pengurangan tersebut. Setiap PTj sudah pun dimaklumi akan peruntukan masing-masing, yang mencerminkan penurunan bajet pada peringkat pusat. Memang hal ini akan memberi kesan kepada kita semua. Jadi bagaimanakah perlu kita bergerak? Kita boleh melihat keadaan ini secara negatif. Tetapi saya ingin mengajak saudara-saudari memilih untuk menanganinya secara positif. Itu cabaran utama pertama kita.

Kedua, kita perlu memberi fokus kepada keberhasilan yang mempunyai impak tinggi. Definisi keberhasilan ini bukan sekadar terletak pada penerbitan ISI, sitasi dan sebagainya tetapi juga keberhasilan UniMAP kepada persekitarannya, dari aspek kebijakan sosio-ekonomi rakyat Perlis dan di wilayah Utara semenanjung. Pendekatan ini berasaskan keperluan kita untuk berhenti sejenak dan bertanya – apakah peranan UniMAP dalam pembangunan sosio-ekonomi Perlis, dan apa pula peranan universiti ini dalam melonjakkan nama negara pada persada antarabangsa? Memang sudah banyak yang telah dibuat malah sudah dirasai impaknya, tetapi apa jua beberapa hasil dan jawapannya, yang pasti kita perlu lebih giat lagi mengaktifkan bakat-bakat dalam kalangan warga UniMAP, baik dari kalangan staf akademik maupun staf bukan akademik. Saya percaya, penggembangan usaha dan buah fikiran kedua-dua pihak akan menjadikan kita lebih kuat dan utuh dalam memastikan keberhasilan universiti berimpak tinggi.

Warga kampus yang dihormati,

Komponen pertama dalam *Quadruple Helix* ini ialah komponen akademia. Perkara pokok di sini ialah bagaimana akademia, yang merujuk kepada komuniti, persekitaran dan proses-proses teras UniMAP perlu diperkuuhkan untuk menghasilkan aset intelektual dan keberhasilan yang berimpak tinggi. Berdasarkan kajian *The World 100 Reputation Network 2014*, pemilihan universiti bergantung kepada penarafan universiti, penarafan pusat pengajian, dan reputasi institusi. Skor kita, walau bagaimanapun, dalam indikator penilaian penarafan melalui *QS Asian University Rankings* menunjukkan penurunan daya saing UniMAP dalam aspek reputasi akademik, iaitu komponen terbesar dalam sistem penarafan berkenaan (40% daripada keseluruhan komponen).

Justeru, kita sebenarnya tiada pilihan kecuali untuk meningkatkan kedudukan UniMAP pada mata dunia, pada tahun ini dan tahun-tahun mendatang. Kita akan melaksanakan hal ini melalui empat strategi teras, yang memerlukan inisiatif dengan kapasiti *Quick-Wins* dan bersifat lestari: (i) memperluas perkongsian akademik/penyelidikan dengan universiti tersohor dunia (ii) mewujudkan peluang *engagement* pada peringkat antarabangsa (iii) mewujudkan peluang pengalaman antarabangsa untuk staf dan pelajar, dan (iv) melalui amalan penjenamaan yang berkesan.

Dari aspek kurikulum pula, tiga perkara utama yang akan dilakukan ialah: (i) menyelaraskan kurikulum dengan keperluan dan kepentingan industri. (ii) mengoptimumkan penggunaan sumber yang dimiliki, dan (iii) memantapkan pengalaman pembelajaran pelajar. Untuk itu, perekayaan perlu dilakukan bagi memastikan UniMAP kekal relevan dan dapat terus menyumbang kepada keperluan sosio-ekonomi negara. Hal ini akan kita lakukan melalui semakan semula program-program pengajian yang kita tawarkan dan membandingkan program-program tersebut dengan apa sebenarnya yang 'besar' dan signifikan di luar sana, seperti *big data, cloud technology, mobile technology and computing, cyber security, medical technology and innovation, pollution and waste management, green technology, and aerospace engineering*, sebagai contoh.

Strategi kita ialah untuk menawarkan program yang berorientasikan *broad-based engineering* programme, dan mengekalkan bidang-bidang tujuan kita iaitu kejuruteraan, sains dan teknologi dalam elektronik dan bidang-bidang yang berkaitan. Apabila kita menyemak semula program-program yang kita tawarkan, sudah tentu ianya akan membawa kepada semakan pusat pengajian dan fakulti, dalam usaha untuk mengoptimumkan penggunaan sumber. Kita akan mengambil pendekatan pengurusan kejat dalam hal ini tanpa meminggirkan kualiti dan bidang tujuan kita.

Penting kepada teras kita sebagai sebuah universiti ialah aspek pengajaran dan pembelajaran. Justeru, kita akan melihat bagaimana pengalaman ini boleh diperkuuhkan melalui pendekatan yang pelbagai, mengambil kira bahawa pelajar kita sekarang bukan seperti pelajar universiti dahulu, sepertimana yang saya sebutkan tadi. Selain daripada mengukuhkan pengalaman industri mereka melalui inisiatif yang telah kita mulakan sebelum ini, kita perlu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih berasaskan teknologi, yang lebih inovatif, lebih aktif, lebih interaktif dan lebih "*hands-on*", bersifat simulasi dan penuh dengan cabaran (*challenge-based*). Dalam pendekatan sebegini, fokus utama tidak semestinya untuk mereka memperolehi jawapan atau penyelesaian yang betul tetapi untuk membolehkan mereka berlatih berfikir pada aras tertinggi, selari dengan proses pembelajaran mereka di universiti. Hal ini juga perlu difahami oleh para pensyarah. Pendekatan sebegini juga akan meningkatkan kemahiran insaniah mereka, yang akan diukur melalui iCGPA. Termasuk dalam pendekatan ini ialah elemen *service learning* dan keusahawanan yang perlu dimasukkan dalam kurikulum program-program yang kita tawarkan.

Sehubungan itu, UniMAP akan memperkasakan bidang keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran bermula sesi akademik September 2017. Elemen keusahawanan secara lebih intensif dan praktikal akan diterapkan kepada semua pelajar. Sebuah *taskforce* akan dibentuk untuk mengemukakan cadangan ini kepada Senat UniMAP dalam tempoh tiga bulan dari hari ini. Kaedah pembelajaran akan mematuhi kaedah pembelajaran keusahawanan yang memberi penekanan kepada pengalaman “*hands-on*” dan “*entrepreneurial immersion*”.

Saudara-saudari yang dikasihi,

Penekanan UniMAP terhadap aspek akademia dalam *quadruple helix* InsyaAllah akan meletakkan kita pada kedudukan yang lebih baik dalam ranking dunia, dan meningkatkan keboleh pasaran kerja dalam kalangan graduan kita. Ia juga dapat menghasilkan insan yang dapat memberi manfaat kepada kesejahteraan bangsa Malaysia.

Komponen kedua dalam pendekatan *Quadruple Helix* ialah komponen industri. Perkara pokok di sini ialah bagaimana UniMAP memberi tumpuan kepada bakat dan idea yang akan menghasilkan pertumbuhan industri dan pembangunan dalam UniMAP sendiri. Kita akan meletakkan fokus kepada empat strategi utama: (i) mewujudkan ekosistem yang akan menggalakkan inovasi; (ii) memupuk penyelidikan berimpak tinggi, (iii) menggalakkan (budaya) kecemerlangan dan (iv) merapatkan jurang antara universiti dan industri.

Dalam usaha mewujudkan ekosistem yang menggalakkan inovasi, kita dalam proses melihat semula polisi berkaitan IP, dan perkongsian penjanaan kewangan dari perundingan antara UniMAP *Solutions / CoE* dan Bendahari. Kita juga perlu menyelaraskan semula bidang tujuan UniMAP sebagai mana dalam aspek akademia, serta menambahbaik aspek implementasi yang berkaitan. Termasuk dalam usaha ini ialah menyemak semula peranan pusat pengajian, fakulti, dan pusat-pusat tanggungjawab yang berkaitan dalam mencapai KPI masing-masing. Hal ini penting kerana ia mengambil kira kapasiti dan keupayaan semua entiti yang berkaitan di UniMAP, dan menetapkan KPI mereka secara saksama (*equitable*). Aspek utama dalam pengwujudan ekosistem ialah penubuhan UniMAP *Solutions* yang akan berfungsi sebagai pusat sehenti universiti-industri untuk tujuan kolaborasi dan penjanaan kewangan. Pusat sehenti ini bersama-sama dengan UniMAP Holdings akan memberi khidmat pemudah cara dalam menghasilkan *Business Model Proposal*, menawarkan ruang untuk pembangunan produk, pengkomersialan dan inkubator, serta akses dan sumber utama kepada kepakaran dan kemudahan berkaitan penyelidikan dan pembangunan di UniMAP.

Technopreneur@UniMAP Sdn. Bhd. (TUSB) yang ditempatkan di *One Stop Centre* ini berperanan sebagai salah satu penggerak bagi usaha pengkomersialan produk-produk penyelidikan hasilan UniMAP, dengan sasaran sebanyak RM10 juta dana penyelidikan dengan industri bagi tahun berakhir 2017. Ia akan mempromosi hasil dan produk penyelidikan UniMAP yang menjadi tumpuan industri berkenaan penyelidikan. Usaha ini juga bertujuan menyokong inisiatif penjanaan kewangan kepada UniMAP dengan mengoptimumkan sepenuhnya keupayaan penyelidikan sedia ada.

Salah satu usaha memantapkan ekosistem inovasi ialah melalui pemberian geran sebanyak RM20,000 setiap geran, menerusi penganugerahan Geran Jangka Pendek UniMAP selama dua tahun. Inisiatif ini dikhatusukan kepada para penyelidik baru dan muda yang belum pernah mengetui sebarang projek penyelidikan agar dapat memberikan pendedahan dan latihan dalam pengurusan projek dan kewangan sebelum memikul tanggungjawab sebagai Ketua Projek geran pada peringkat yang lebih tinggi. Strategi “*quick win*” ini juga dijangka menambah bilangan Ketua Projek Penyelidikan di UniMAP yang hanya berjumlah 288 orang sahaja.

Bagi melaksanakan inisiatif ini, pihak universiti akan melaburkan amaun berjumlah RM1.43 juta meliputi 68 projek penyelidikan jangka pendek dalam bidang S&T dan 14 projek Sains Sosial.

Kita juga perlu memupuk penyelidikan berimpak tinggi untuk tujuan mengukuhkan kedudukan kita pada persada dunia dan juga penyelidikan yang memanfaatkan negeri Perlis khususnya. Kita perlu berusaha ke arah memastikan UniMAP mempunyai dan mengekalkan bakat untuk mencapai tujuan itu. Hal ini boleh dicapai melalui inisiatif seperti menarik lebih ramai graduan kelas pertama untuk mengikuti pengajian PhD di UniMAP. Kita juga perlu melihat kepada mewujudkan lebih banyak jawatan *post-doctoral* serta peluang graduan PhD UniMAP untuk berkhidmat sebagai fakulti selama sekurang-kurangnya 6 bulan di UniMAP.

Warga UniMAP yang dikasihi sekalian,

Pada hakikatnya, UniMAP mempunyai kekuatan yang luar biasa dalam beberapa bidang. Kita seharusnya membina lebih kekuatan berlandaskan pencapaian cemerlang kita selama ini. Untuk tujuan itu, tahun ini kita akan melancarkan pelaksanaan Empat Laluan Kerjaya, yang akan menempatkan semua staf akademik dalam salah satu trek atau laluan Pengajaran dan Pembelajaran, laluan Penyelidikan, laluan Pengamal Industri dan laluan Kepemimpinan Institusi. Melalui penempatan ini, saya percaya kita akan mampu lebih cemerlang kerana kita meletakkan staf pada laluan berdasarkan kekuatan mereka. Penetapan KPI staf akan berdasarkan kepada KPI Universiti, justeru penilaian akan menjadi lebih objektif dan sumbangan staf dan jabatan masing-masing kepada KPI universiti akan menjadi lebih jelas. Kita akan mulakan dengan penilaian pada peringkat PTJ dahulu menggunakan sistem baharu ini sementara penilaian individu akan dilaksanakan pada penghujung 2017. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih saya kepada Profesor Dr. Abdul Hamid Adom, mantan Timbalan Naib Canselor (P&I) kerana sumbangan beliau dalam perkara ini, dan juga sepanjang beliau memegang jawatan tersebut.

Penyelidikan berimpak tinggi juga boleh terhasil daripada jaringan dan kolaborasi antara UniMAP dan rakan-rakan strategik, termasuklah graduan pasca-siswazah dan staf ekspatriat. Kita perlu lebih berusaha menggalakkan kolaborasi khususnya pada peringkat antarabangsa.

Sebagai sebuah universiti teknikal, kita tidak dapat lari dari hakikat bahawa kewujudan kita amat berkait rapat dengan keperluan industri. Usaha perlu dipertingkatkan untuk merapatkan jurang antara universiti dan industri. Dan jika kita berlandaskan kepada pendekatan *quadruple helix* tadi, kita juga perlu merapatkan jurang antara universiti, komuniti dan kerajaan negeri. *No man is an island*. Begitu juga bagi universiti, yang mempunyai hubungan saling bergantungan dengan pihak lain.

Salah satu cara untuk mengukuhkan hubungan UniMAP dengan pihak industri, komuniti dan kerajaan negeri ialah dengan memastikan penyelidikan yang kita laksanakan mempunyai manfaat terus kepada pihak yang terlibat. Hal ini akan memerlukan penyelarasian bidang penyelidikan, juga pemantauan yang lebih rapi terhadap apa saja memorandum persefahaman yang telah dimeterai. Kita perlu lebih banyak berinteraksi dengan pihak industri, komuniti dan kerajaan negeri. Pemantauan yang rapi juga perlu terhadap semua paten dan status IP, dan juga terhadap CoE UniMAP, yang boleh dilaksanakan oleh UniMAP Solutions. Repositori inovasi, paten, penyelidik dan pakar bidang perlu diwujudkan untuk membolehkan rujukan segera dibuat, dan pengurusan yang cekap.

Salah satu peluang yang ada di Perlis sekarang ini ialah Kawasan Pembangunan Lembah Chuping atau *Chuping Valley*. *Chuping Valley* meliputi kawasan seluas 3000 ekar atau 10km persegi, dan terletak antara Pauh dan Padang Besar. Adalah disasarkan bahawa sebanyak 13 ribu pekerjaan akan tercipta yang akan membawa kepada *Gross National Income* sebanyak RM2.6 billion pada 2025. Kluster yang difokuskan untuk tujuan ini ialah *Solar energy generation*, *Green manufacturing* dan industri Halal. UniMAP telah mengambil langkah proaktif dengan memulakan perbincangan dengan *Northern Corridor Implementation Authority*. Alhamdulillah, kita telah mengemukakan 14 proposal untuk dipertimbangkan oleh pihak NCIA bagi pembangunan *Chuping Valley*. InsyaAllah, saya yakin kita akan berjaya untuk mendapat beberapa projek yang telah kita sasarkan.

Cara lain UniMAP dapat memberi manfaat kepada pembangunan negeri serta komuniti ialah melalui pengajuran program-program latihan, perundingan, penyelidikan kontrak dan sebagainya. Melalui program akademik, saya mencadangkan sesetengah program pengajian kita mengandungi komponen *service learning* yang saya sebutkan awal tadi, sebagai satu aspek keusahawanan sosial di mana melalui pembabitan pelajar, bukan sahaja pelajar mendapat kredit untuk tujuan pengijazahan, tetapi ahli komuniti juga mendapat manfaat melalui projek-projek yang dilaksanakan.

Para pelajar UniMAP juga boleh menyumbang kepada pembangunan insan negeri Perlis melalui projek-projek pembangunan sahsiah. Tahun ini, fokus pembangunan pelajar diletakkan kepada tujuh aspek iaitu sukan dan kebudayaan, keusahawanan, inovasi dan rekacipta, pencapaian akademik tinggi, kepimpinan, kemahiran insaniah dan kesukarelawanan. Walaupun kita akur akan kepentingan keterlibatan pelajar-pelajar UniMAP pada persada antarabangsa, kita juga perlu pastikan keberadaan mereka di UniMAP ada manfaatnya bagi komuniti setempat. Sehubungan itu, tahun 2017 merupakan tahun kesukarelawanan UniMAP. Sejumlah 17 gerak kerja kesukarelawan utama yang melibatkan dalam dan luar negara telah dirangka dan InsyaAllah akan dilaksanakan supaya impaknya benar-benar dapat dilihat.

Warga UniMAP yang dihormati,

Kita amat peka dengan kebijakan pelajar. Bagi membantu pelajar yang menghadapi masalah sara hidup, Tabung Dediaksi Diri akan ditubuhkan. Dana akan dikumpulkan melalui beberapa aktiviti dan inisiatif utama. Persatuan Alumni UniMAP juga sudah memberi komitmen untuk melaksanakan projek Taman Alumni, yang akan memberi ruang kepada pelajar UniMAP beriadah di samping peluang untuk menceburi bidang keusahawanan.

Saya juga amat berharap bahawa Persatuan Alumni memainkan peranan yang lebih menyerlah dalam hal pembangunan UniMAP. Secara tradisinya, UniMAP sentiasa berhubung dengan alumni dalam acara-acara tahunan universiti seperti acara-acara "*outdoor*", '*homecoming*' dan majlis makan malam, terutama sekitar tempoh majlis konvokesyen. Tetapi dalam era sektor pengajian tinggi yang semakin mencabar, bagaimakah hubungan ini dapat dimanfaatkan dan bagaimana pula kita memastikan mereka yang bergraduat dari UniMAP akan menjadi ahli alumni yang aktif? Bagaimakah kita dapat memanfaatkan teknologi untuk memantapkan hubungan alumni dengan UniMAP? Bagaimana boleh kita pastikan bahawa semua "*likes*" dan "*follows*" oleh Alumni UniMAP di Facebook UniMAP dan Alumni tidak terhenti setakat "*click of a button*" tetapi diterjemahkan kepada alumni yang sentiasa berhubungan dengan kita, yang mengikuti perkembangan kita secara aktif dan menyumbang pandangan dan bantuan mereka ke arah pembangunan UniMAP?

Harapan saya, alumni UniMAP akan dapat memantapkan hubungan dengan UniMAP dengan memainkan peranan berikut: i) sebagai 'role model' dan mentor kerjaya kepada pelajar kita, ii) menyumbang kepakaran dalam pengembangan dan penambahbaikan program-program pengajian, iii) membuka peluang dan jalan kepada pembangunan profesionalisme, iv) menjadi duta kepada UniMAP untuk mendorong pelajar memilih UniMAP sebagai pilihan pertama ke universiti, v) membantu mengumpul dana untuk pembangunan UniMAP dan akhir sekali, vi) menyokong meningkatkan reputasi UniMAP. Saya yakin semua peranan yang saya sebutkan tadi boleh dimainkan oleh kesemua 15,687 orang alumni UniMAP dari 25 negara di dunia.

## CABARAN

Saudara-saudari,

Dengan mengambilira pencapaian kita setakat ini, serta destinasi yang dituju, jelas sekali pelbagai cabaran perlu kita tangani. Sebelum saya menghuraikan tentang cabaran, ingin saya peringatkan bahawa cabaran tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk kurang berusaha mencapai kejayaan. Tidak pernah ada sekalipun dalam sejarah peradaban di mana kejayaan dicapai tanpa melalui seribu satu ranjau, onak dan duri. Maka begitu jugalah halnya dengan UniMAP. Malah kita seharusnya menjadikan cabaran sebagai pendorong utama dalam mengukir langkah merancang perjalanan universiti yang disayangi ini.

Cabaran utama yang perlu ditangani ialah cabaran kewangan. Saya ingin mengulangi bahawa sejak tahun lalu lagi, kita telah mencari pelbagai jalan mengurangkan perbelanjaan. Alhamdulillah, dalam tempoh 8 bulan terakhir 2016, iaitu daripada Mei hingga Disember 2016, kita telah berjaya menjimatkan sebanyak RM18 juta. Terima kasih kepada semua yang memberi kerjasama dan memahami bahawa dalam keadaan ekonomi hari ini, kita tidak lagi mampu beroperasi sebagaimana biasa. Walau kita masih perlu laksanakan semua yang sepatutnya dilaksanakan, namun kaedah yang diambil adalah berbeza daripada dahulu. Saya percaya, tidak ada satu pun aspek operasi universiti yang utama yang telah terkompromi susulan daripada penjimatan tersebut.

Dalam hal ini *waqf and endowmen* akan menjadi fokus UniMAP. Rata-rata universiti awam dan swasta di Malaysia mengakui bahawa sistem waqaf adalah salah satu instrumen terbaik dalam mendanai universiti. Ini bukanlah konsep baharu. Universiti tertua dunia University AlQurewiyyin di Fez, Morocco telah membangun dengan wakaf; sementara Universiti Al-Azhar di Mesir, Universiti King Abdul Aziz di UAE dan Harvard, Stanford juga Oxford – semuanya berdiri secara majoritinya atas *waqf and endowmen*. Selari dengan hasrat yang digariskan dalam PPPM (PT), untuk mengurangkan kebergantungan UA ke atas kerajaan, maka UniMAP akan berusaha ke arah mempertingkatkan *waqf and endowmen*. Dalam tempoh sehingga tahun 2020, UniMAP, melalui Pejabat Penolong Naib Canselor Keusahawanan dan Kelestarian Kewangan, Yayasan UniMAP, Pusat-pusat Pengajian serta Pusat Kecemerlangan UniMAP akan melipat gandakan lagi usaha ini, untuk mencapai sasaran RM30 juta pada akhir tahun 2020. Untuk 2017 sahaja, sasaran UniMAP ialah untuk mencapai nilai kumulatif *waqf and endowmen* sebanyak RM8 juta. InsyaAllah.

Cabaran seterusnya ialah untuk memastikan pembelajaran di universiti relevan dengan cita rasa pelajar abad ke-21 ini. Teknologi yang masih belum kita manfaatkan sepenuhnya ialah penggunaan *Massive Open Online Course*, atau MOOC. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat banyak usaha yang telah dicurahkan ke arah ini, dan untuk itu saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Pada tahun ini, saya mengajak kita sama-sama meningkatkan penggunaan MOOC ke satu tahap yang lebih bermakna. Dengan teknologi yang memungkinkan pelaksanaan pendekatan ini, pensyarah seharusnya mempunyai lebih banyak masa untuk berinteraksi dengan pelajar yang menghadapi kesukaran memahami

konsep yang dipelajari, dan pelajar pula dapat menimba ilmu dengan kadar yang sesuai dengan diri sendiri. Mereka yang kurang faham boleh berulang-ulang menelaah e-modul yang disediakan. Dengan penggunaan e-ujian, maka aspek atau konsep yang pelajar kurang kuasai boleh dikenalpasti walaupun berada dalam saiz kelas yang besar. Hanya dengan teknologi ini dapat dicapai sewajarnya. Saya mohon semua pusat pengajian memastikan hal ini dan Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari untuk memastikan keperluan latihan untuk hal ini dipenuhi.

Ingin saya ingatkan kepada para pensyarah, jurutera pengajar, dan para guru, tunjang tugas anda di sini ialah membimbang pelajar menimba ilmu agar mereka benar-benar dapat memanfaatkannya sekarang dan juga pada kemudian hari. Peringatan ini amat penting kerana kadang-kala kita lupa mengapa kita berada di sini. Dalam kesibukan masa memenuhi pelbagai tuntutan harian di tempat kerja, agenda pembelajaran-pengajaran yang seharusnya mendasari kehidupan kita sebagai staf akademik mungkin tampak kurang pentingnya. Atas dasar itulah, kita mesti selalu ingat-mengingati, agar tidak terpesong daripada tugas hakiki ini.

Sedarlah bahawa pelajar merupakan batu permata yang diamanahkan kepada kita untuk digilap agar kilauannya terpancar, dan diasah agar bakatnya terserlah. Mereka ialah pucuk yang akan menjulang tinggi dan mengharumkan nama UniMAP. Seperti yang saya sebut awal tadi secara ringkas, pelajar hari ini tidak serupa dengan pelajar tahun-tahun yang lalu. Mereka ini ahli 'generasi millennial' yang kehendaknya amat berbeza daripada biasa. Bukan senang menyelami keperluan Generasi Millenial ini. Dilahir dan dibesarkan di tengah lautan internet, google, whatsapp, dan youtube, menarik minat mereka dalam pembelajaran merupakan sesuatu yang amat mencabar sekali. Sebagai staf akademik, kita tidak boleh mengambil enteng sekiranya pelajar mudah hilang fokus semasa kuliah. Jangan cepat menyalahkan mereka sedangkan kita tidak membuat persiapan pengajaran dengan serapi-rapinya. Sesungguhnya, jangkaan pelajar terhadap kita kini jauh berbeza daripada dahulu. Kita perlu fahami dan hayati kecenderungan mereka, dan lakukan segala yang terdaya untuk memastikan mereka beroleh manfaat selama bersama kita di sini.

Bagi pelajar-pelajar sekalian, jangan pula menggunakan ayat saya tadi untuk terus menuduh pensyarah sebagai tidak bersedia sekiranya mereka didapati tidak sebagaimana yang diharapkan. Ini kerana proses pembelajaran terletak pada bahu pelajar dan bukan pensyarah. Walaupun pensyarah menanggung amanah menyediakan ekosistem akademik yang kondusif untuk pembelajaran yang efektif, namun hakikatnya pelajarlah yang bertanggungjawab melakukan yang terbaik agar peningkatan ilmu benar-benar berlaku. Ilmu yang ditimba itu menjadi milik pelajar jua sehingga ke akhir hayat. Justeru, wajarlah pelajar menyiapkan diri menimbanya walau terdapat apa juga cubaan dan dugaan yang mendatang.

Warga kampus yang dihormati,

Walaupun pelajar dan staf akademik merupakan dua kategori besar kumpulan insan universiti, namun peranan staf bukan akademik tidak kurang pentingnya. Malah tanpa staf bukan akademik, maka hancur lerailah prasarana yang membolehkan pembelajaran mengambil tempat. Staf bukan akademik memikul amanah membina struktur pentadbiran yang kukuh lagi kental, yang dapat merangsang perkembangan dan kemajuan minda dan fikiran kedua-dua pelajar dan juga staf. Antara usaha yang dijalankan dalam konteks ini termasuk mengakuri persijilan ISO 9000, membentuk budaya saling menghormati, memberi tumpuan kepada keperluan pelanggan, mengurus secara kejat, merancang ke arah '*right-sizing*', meningkatkan kecekapan berdasarkan teknologi, melaksanakan program mentor-mentee, dan banyak lagi. Saya berharap staf bukan akademik akan memainkan peranan yang lebih dari sebelum ini, dalam memberi pandangan dan cadangan untuk menambah baik proses-proses kerja di universiti kita ini, supaya kualiti sentiasa dapat dipertingkatkan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam pelbagai projek yang disebutkan tadi, yang telah, sedang dan akan dilaksanakan. Terlalu banyak contoh yang boleh dikongsi di sini. Salah satunya ialah Jabatan Pendaftar, dengan kerjasama pejabat-pejabat lain, bertungkus-lumus memerkasakan profesionalisme dengan cara membangunkan Skim Insentif Jurutera Profesional, Skim Empat Laluan Kerjaya, Pelan Penggantian Staf, serta banyak lagi program dan aktiviti yang berkaitan. Pengukuhan struktur sedia ada bagi membolehkan pelaksanaan autonomi juga diberi perhatian khusus.

Selain itu, Jabatan Bendahari dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, Pejabat Penyelidikan, serta ECIP tidak henti-henti mencari ruang dan kesempatan menambahbaik sistem kewangan universiti agar membolehkan penjanaan dan penggunaan dana dilakukan dengan licin dan sempurna. Kini setiap PTJ sudah ada tabung enterprise sendiri dan proses kewangan dalam konteks penjanaan kewangan dipermudahkan. Di samping itu ada bermacam-macam skim lain serta tabung yang digunakan untuk penyelidikan dan tujuan-tujuan tertentu. Sesungguhnya, dengan bermodalkan idea dan inovasi, banyak yang boleh dirancang dan dilaksanakan. Keseluruhan sistem-sistem baru yang dinyatakan ini masih muda usianya, dan dari itu terdapat banyak ruang penambahbaikan yang boleh dimanfaatkan. Tetapi saya yakin pucuk-pucuk ini juga mampu menjulang tinggi kerana asas yang kita miliki kukuh sifatnya. InsyaAllah.

Hasrat menjadikan kampus kita sebagai sebuah kampus hijau merupakan hasrat yang amat murni. Bukan sahaja usaha ini menjawab cabaran krisis alam sekitar yang seluruh dunia sedang hadapi pada masa kini, malah ia juga memberikan pulangan jangka pendek yang amat berguna sekali. Contohnya, sejak program-program kampus lestari dimulakan pada tahun 2013 yang lalu, banyak penjimatatan bil elektrik telah kita nikmati. Namun, banyak lagi yang perlu dilakukan lantaran perspektif sesetengah warga kampus yang masih belum benar-benar faham kepentingan mengurangkan penggunaan tenaga dan air.

Dalam menangani semua cabaran semasa yang saya sebutkan tadi, kita perlu memastikan segala aktiviti kita adalah selari dengan bingkai operasi yang ditetapkan pihak Kementerian menerusi 10 Lonjakan, sebagaimana tertera dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015 - 2025. Untuk itu, saya berterima kasih kepada PUSPEK yang mengatur dan menyelenggara keseluruhan proses ini. Saya juga berterima kasih kepada semua Dekan, Ketua Jabatan, Ketua Lonjakan, serta seluruh anggota pasukan masing-masing yang berusaha memenuhi pelan dan perancangan yang digariskan dalam Pelan tersebut. Semoga penat lelah kita diberkati Allah jua.

Ingin saya tekankan keperluan untuk kita memahami kedudukan, cabaran dan halatuju kita bersama. Sebagai sebuah keluarga besar, saya percaya kesatuan hati itu penting untuk kita mengorak langkah dengan lebih jauh. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, itu hasrat saya bagi kita semua. Kerana sesungguhnya usaha untuk mengimbangi antara hasrat keterlihatan tinggi pada persada antarabangsa dan memastikan UniMAP relevan dan bermanfaat pada peringkat tempatan bukan sesuatu yang mudah. Tapi saya percaya, jika kita sehati dan sejiwa memikul amanah dengan penuh iltizam, integriti dan akauntabiliti, Allah akan membantu kita.

*“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum kecuali kaum itu  
sendiri yang mengubah apa apa yang pada diri mereka ”*  
*(Surah Ar-Ra'd, ayat 11)*

Saudara-saudari,

Dalam semangat kita menghadapi 2017, saya mengajak saudara saudari dan peringatan kepada diri saya juga, untuk merendah diri mensyukuri nikmat yang Tuhan berikan kepada kita selama ini dengan berpegang teguh kepada asal-usul kita di UniMAP, dan asal-usul kita di bumi Tuhan.

Pada masa yang sama, kita juga membina cita-cita untuk menjadi antara yang terbaik di dunia. Kita berkongsi tunjang yang kuat. Dan sekarang ini kita juga seumpama pucuk-pucuk dari sebatang pohon dalam bentuk inovasi, pendekatan baharu, staf akademik muda, era baharu pengajian tinggi, tuntutan baharu dari industri dan pemegang taruh, dan inisiatif baharu yang akan menjulang tinggi mengharumkan nama UniMAP.

UniMAP: Tunjang Mengukuh di Bumi, Pucuk Menjulang Tinggi. Tema ini insyaAllah akan dijadikan pegangan dalam mendepani cabaran tahun 2017. Ayuh pasakkan kekuatan pada tunjang yang mengukuh, agar dapat memantapkan kepercayaan yang dibina sekian lama. Biarpun ada serpihan dari calar kehidupan, teruslah membenihkan pucuk-pucuk yang akan menjulang ke puncak kejayaan.

Sebagaimana firman Allah dalam Surah Ibrahim ayat 24 & 25 yang bermaksud :

*“Tidakkah kamu memperhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimah yang baik seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya menjulang ke langit. Pohon itu memberikan buahnya setiap musim dengan izin Rabbnya, Allah membuat perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu beringat”.*

*(Surah Ibrahim Ayat 24 & 25)*

Akhir kata, terima kasih kepada seluruh warga UniMAP atas komitmen yang dihulurkan bagi mencapai sasaran Universiti. Semoga kita terus bekerja bersama-sama demi UniMAP yang kita sayangi ini.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

